



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SOSIAL
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
(PESUKA)
KALI KE-26 / 2020**

TARIKH / MASA / TEMPAT
30 DISEMBER 2020 (RABU)
3.00 PETANG

**DEWAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI
JALAN BAGAN LUAR
BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Merangkap Timbalan Yang Dipertua PESUKA

Sr Mat Nasir Bin Hassan

Naib Yang Dipertua

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

LAr Shaqhrony Bin Md Yusof @ Jamaludin

Setiausaha Kehormat

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

Haji Shahrulnizad Bin Abd Razak

Bendahari Kehormat

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Mohd Fidaie Bin Mohamad

Ketua Sukan

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ahli-Ahli Jawatankuasa

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ahli-Ahli

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Alhamdullillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dan keizinan-Nya kita dapat hadir bersama-sama di Majlis ini pada petang yang sungguh berbahagia ini.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak PESUKA kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-26 yang diadakan di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth.

Di kesempatan ini juga, saya mengalu-alukan kehadiran kesemua ahli-ahli PESUKA yang hadir dan memberi sokongan dalam Mesyuarat Agung PESUKA ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kakitangan-kakitangan merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. Amalan kerja yang berprestasi tinggi akan menghasilkan impak yang cukup baik di mana permasalahan rakyat dan perbandaran diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan warga kerja MBSP tidak terbalas dan tetap terpahat di hati. Dalam konteks perkhidmatan awam, MBSP sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan MBSP.

Kakitangan MBSP perlu lebih anjal dalam menyampaikan perkhidmatan dan perlu sentiasa berorientasikan kepada keperluan rakyat yang dinamik. Kakitangan MBSP juga perlu bekerja dengan penuh integriti, bekerja dalam pasukan, berinovatif, proaktif dan responsif kepada ekspektasi *stakeholders* MBSP. Kakitangan yang berilmu, berhikmah dan berintegriti adalah sumber kekuatan kepada MBSP untuk menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang terunggul di Malaysia. Oleh itu, MBSP telah memperuntukkan sejumlah RM1.3 juta bagi perbelanjaan untuk Menghadiri Kursus, Seminar dan Peperiksaan serta Lawatan Sambil Belajar di dalam

dan luar negara untuk menjadikan modal insan MBSP lebih berketrampilan dan berpengetahuan luas.

Dari segi pengiktirafan kakitangan, pada bulan Julai 2019 sebilangan kakitangan MBSP telah dianugerahkan pingat bersempena sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, di mana seorang kakitangan MBSP telah menerima Pingat Bintang Cemerlang Negeri (BCN); enam (6) orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK); 11 orang telah menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM); dan tiga (3) orang menerima Pingat Bakti Setia (PBS).

Tahniah juga diucapkan kepada 92 kakitangan MBSP yang telah diberikan Anugerah Pekerja Contoh 2019 pada 19 September 2020, sempena Sambutan Tahun Pertama Pengiktirafan Bandaraya. Di samping itu, seramai 293 kakitangan pelbagai peringkat telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 pada 19 Februari 2020. Penerimaan pingat dan anugerah adalah atas semua usaha keras tuan-tuan dan puan-puan selama ini kepada rakyat Seberang Perai. Jangan lunturkan semangat anda, teruskan bekerja dengan dedikasi dan disiplin. Saya juga berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjadi pendorong kepada rakan-rakan yang lain untuk turut sama menjadi kakitangan yang hebat.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kebajikan kakitangan MBSP (yang turut melibatkan seramai 2,779 ahli PESUKA) amat dititikberatkan dan di bawah Keutamaan Teras 7 iaitu Kesejahteraan Kakitangan dan melalui perbincangan dengan ANULAE, MBSP telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan:-

- i. MBSP menyediakan kemudahan perubatan yang merangkumi perbelanjaan rawatan jantung di Institut Jantung Negara (IJN), rawatan hemodialisis sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kakitangan kontrak dan sepanjang hayat bagi kakitangan tetap dan berpencen, pembelian alat orthopedik, alat bantuan pendengaran bagi pekerja OKU, ubat-ubatan, alat bantuan penglihatan dan rawatan pakar.
- ii. Kemudahan perbelanjaan rawatan hemodialisis juga diberikan kepada ibu bapa kakitangan yang masih berkhidmat.

- iii. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan Klinik Panel disediakan kepada kakitangan bujang dan kakitangan berkeluarga. Mulai tahun 2020, kemudahan rawatan klinik panel dinaikkan sebanyak RM400.00 bagi Ahli Majlis dan kakitangan berkeluarga menjadikan had kelayakan tahunan meningkat daripada RM600.00 kepada RM1,000.00 setahun manakala bagi Ahli Majlis dan kakitangan yang belum berkeluarga dinaikkan sebanyak RM150.00 menjadikan had kelayakan meningkat daripada RM250.00 kepada RM400.00 setahun. Bagi kakitangan yang suami dan isteri berkhidmat di MBSP, had kelayakan tahunan dinaikkan daripada RM600.00 kepada RM1,400.00 setahun.
- iv. Kemudahan rawatan menggunakan Klinik Panel juga termasuk rawatan pergigian dan elauan perubatan klinik juga diperluaskan kepada ibubapa kakitangan.
- v. Bayaran balik pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak

- vi. Pemberian suntikan *anti-tetanus* kepada kakitangan yang berisiko.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru semua kakitangan agar mengamalkan gaya hidup sihat agar perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai dapat diberi dengan lebih cemerlang.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Faedah-faedah lain yang telah dan sedang diusahakan oleh MBSP untuk kebajikan warga kerja MBSP adalah:-

- i. Mempromosi *Housing Democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja dengan mengadakan program *match making* di antara institusi perbankan, pemaju perumahan dan pekerja.
- ii. Bercadang untuk mewujudkan koperasi untuk memasarkan barang *upcycle* yg dihasilkan oleh wira-wira orange.

- iii. Menyediakan *shuttle service* dari stesen keretapi Bukit Metajam, Bukit Tengah dan Butterworth kepada kakitangan yang menggunakan perkhidmatan Komuter Kenderaan Majlis.
- iv. Lanjutan daripada Pandemik COVID-19, MBSP telah meluluskan pelaksanaan Inisiatif Bekerja Dari Rumah (*Remote Workforce Initiative*) kepada pegawai dan kakitangan MBSP yang dikuatkuasakan pada setiap Hari Jumaat mulai 2 Oktober 2020. Inisiatif Bekerja Dari Rumah adalah satu kaedah yang membolehkan pekerja melaksanakan semua tanggungjawab tugas dari luar pejabat tanpa menjelaskan fungsi dan struktur MBSP. Maksimum pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam inisiatif ini adalah pada tahap 50% daripada jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan di jabatan masing-masing.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga sentiasa prihatin dengan keperluan penjawat awam dan mengharapkan agar agensi mahupun jabatan kerajaan, terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa peka dengan masalah yang berlaku di bawah kuasa jabatan masing-masing. Ada berita yang menggembirakan seluruh penjawat awam di

bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana Ketua Menteri telah mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 untuk semua penjawat awam di negeri itu termasuk kakitangan MBSP (yang mana telahpun dibuat pembayaran oleh pentadbiran MBSP pada 17 Disember 2020).

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kita semua sebagai penjawat awam harus menyedari bahawa cabaran kerja pada masa kini amat berbeza sekali berbanding cabaran pada masa lalu. Kini, rakyat atau *stakeholders* semakin hari semakin menuntut perkhidmatan yang lebih cepat, cekap, telus dan efektif. Kita perlu melaksanakan tugas dan amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab dan berkesan. Adalah diharapkan bahawa warga kerja MBSP akan dapat sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat bagi memenuhi keperluan dan aspirasi mereka. Kita harus terus melengkapkan diri dengan kemahiran terkini (*emerging skills*) bagi memastikan kita dapat memberi perkhidmatan yang relevan dan berkualiti kepada rakyat.

Dalam aspek pengurusan PESUKA itu sendiri, adalah menjadi satu

cabaran yang besar dalam memastikan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada semua ahli dapat dilaksanakan dengan mengambilkira keadaan pandemik COVID19 yang sedang melanda secara global pada ketika ini. Kesan dari ancaman pandemik ini, beberapa perancangan aktiviti PESUKA bagi tahun 2020 terpaksa ditangguhkan untuk mengekang penularan wabak COVID19 ini.

Namun, dengan kreativiti dan kewibawaan ahli-ahli jawatankuasa PESUKA, masih terdapat program-program yang dapat dijalankan secara sukarela dan ianya turut melibatkan perbelanjaan secara berhemah serta mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Antaranya adalah penganjuran Program Kembara Mendaki Gunung Alai, Gerik, Perak pada 11 Oktober 2020 yang dihadiri oleh 25 orang pendaki-pendaki tegar yang rata-rata merupakan ahli PESUKA.

Selain itu, PESUKA juga telah mengadakan aktiviti MBSP Virtual Ride 2020 bersempena Sambutan Hari Bandaraya MBSP yang merupakan program kolaborasi PESUKA dan Jabatan Kemasyarakatan MBSP. Program ini dijalankan bermula 22 Oktober 2020 sehingga 22 November 2020 dan melibatkan penyertaan orang awam dan juga kakitangan MBSP yang menjalankan aktiviti riadah berbasikal secara sendirian atau berkumpulan di Kawasan Seberang Perai. Pengumuman pemenang-pemenang telahpun

dibuat pada Majlis Penuh yang lepas pada tarikh 21 Disember 2020. Hasil komitmen dan kerjasama daripada setiap ahli, program-program anjuran PESUKA ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan terancang.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MBSP terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta menyokong dan menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*) dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MBSP seperitimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PESUKA, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PESUKA di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama

melaksanakan pelbagai aktiviti kesukanan, sosial dan kebajikan kakitangan MBSP.

Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih.**